



24 JUL, 2025

Penyatuan strategik pasaran pusat data

Sinar Harian, Malaysia



Sektor pusat data Malaysia yang berkembang pesat kini memasuki fasa penyatuan.

Penyatuan strategik pasaran pusat data

Susulan tekanan kos, kawal selia semakin meningkat

KUALA LUMPUR

Sektor pusat data Malaysia yang berkembang pesat kini memasuki fasa penyatuan iaitu satu perkembangan semula jadi turut diperhatikan di pasaran lebih matang, kata firma hartanah komersial global, JLL.

Pengurus Transaksi Pusat Data dan Pasaran Modal JLL Malaysia, Sum Chun Kit berkata, peralihan itu akan mengutamakan pengendali berkualiti tinggi, berbanding pemain industri spekulatif apabila tekanan kos serta kawal selia semakin meningkat.

Menurutnya, ia aliran yang sihat dalam pasaran sedang matang.

"Kenaikan kos di seluruh rantaian pembangunan termasuk tarif elektrik dijangka meningkat antara 10 hingga

20 peratus.

"Tekanan ini akan menapis pemain industri yang tidak mengoptimumkan kecekapan," katanya semasa menyampaikan taklimat Laporan Dinamik Pasaran Suku Kedua 2025 oleh JLL di sini pada Rabu.

Jelas beliau, walaupun caj utiliti lebih tinggi merupakan satu cabaran, namun ia akhirnya boleh memberi manfaat kepada ekosistem yang lebih luas.

Tambahnya, pengenaan tarif lebih tinggi membolehkan penyedia tenaga seperti Tenaga Nasional Bhd memperoleh lebih banyak perolehan dan melabur semula dalam penambahbaikan infrastruktur, yang akan membawa kepada kestabilan serta perkhidmatan lebih baik untuk semua pengguna.

"Tekanan kos lain termasuk kenaikan harga tanah, bahan binaan dan peraturan lebih ketat melibatkan kelulusan pihak berkuasa serta skop cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diperluas," katanya.

Melangkah ke hadapan, beliau menjangkakan aliran penyatuan akan berterusan terutama bagi pengendali yang gagal menunjukkan penggunaan

air dan tenaga cekap iaitu dua sumber penting bagi pusat data.

Namun katanya, permintaan terhadap pusat data kekal kukuh di kawasan-kawasan utama dengan minat berterusan di sekitar Johor Bahru di Johor dan hab yang sudah mampan di Lembah Klang serta zon-zon sedang membangun seperti Nilai dan Port Dickson di Negeri Sembilan.

"Seperti perniagaan atau sektor hartanah, pasaran pusat data juga melalui kitarannya. Apa yang kita lihat sekarang merupakan sebahagian evolusi semula jadi tersebut," katanya.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan dan Perundingan JLL Malaysia, Yulia Nikulicheva berkata, kerjasama strategik dengan pihak berkuasa tempatan semakin penting dalam mempercepatkan penambahbaikan infrastruktur serta kelulusan projek.

"Pasaran pusat data Malaysia kini berada dalam fasa penyatuan, disokong angka yang kukuh iaitu 638 megawatt (MW) kapasiti siap, 1,300 MW dalam pembinaan dan lebih 3,450 MW dalam perancangan," katanya. - *Bernama*